

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

KEDUDUKAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN RAYA MALAYSIA: BERAKHIRNYA ERA HEGEMONI

Sulastry Yurni Ahmad
Nidzam Sulaiman

ABSTRAK

Pilihan raya di Malaysia telah berjalan sejak pertama kali di peringkat bandaran pada tahun 1952 hingga Pilihanraya Umum 2008 pada Mac lalu. Dalam semua pilihan raya tersebut parti kerajaan iaitu Parti Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional telah muncul sebagai parti yang dominan. Ini dapat dilihat dalam beberapa kes seperti pilihan raya tahun 1964, 1974, 1978, 1982, 1986, 1995 dan 2004 yang telah menunjukkan dominasi yang sangat ketara dengan penguasaan jauh melebihi majoriti dua pertiga. Keadaannya agak berbeza dalam pilihan raya 2008 apabila dominasinya mulai tercabar. Persoalannya bagaimanakah parti pemerintah dapat meneruskan dominasi ini dan kenapakah parti ini sukar untuk digugat oleh parti lawan sepanjang 50 tahun pemerintahan Perikatan dan BN. Kertas ini dengan itu cuba membincangkan perkara ini dengan menumpukan kepada konsep hegemoni yang tersulam rapi dalam budaya politik Melayu dan bagaimana hegemoni dieksploitasi dalam usaha pengekalan status quo oleh parti pemerintah. Pelbagai langkah coercion dan consent telah dilaksanakan pada sepanjang masa oleh golongan pemerintah bagi meneruskan penguasaan mereka. Sementara itu, pada tahun 2008 ternyata hegemoni sudah mula dicabar kerana terdapat pelbagai faktor seperti yang dibincangkan oleh ramai sarjana tempatan mahupun antarabangsa.

PENGENALAN

Kemunculan parti pembangkang yang berasaskan kepada pelbagai ideologi politik seperti Parti Keadilan Rakyat, DAP, PAS antara yang menunjukkan bahawa jaminan kebebasan untuk membentuk dan menyertai organisasi memang wujud. Dari segi pilihan raya yang diadakan, jaminan hak mengundi dan hak kepada pemimpin politik merayu simpati juga dipenuhi. Keghairahan parti-parti politik dalam mengeluarkan isu-isu sensitif perkauman tanpa mendapat sekatan, menunjukkan bahawa wujudnya kebebasan bersuara menjelang setiap pilihan raya. Selain jaminan pilihan raya yang adil dan bebas, kemunculan parti pembangkang dan pemerintah bersaing dalam ruangan pilihan raya yang bebas sehingga parti pembangkang yang berjaya kemudian boleh membentuk kerajaan di negeri tertentu. Manakala dari segi jaminan sumber alternatif didapati akhbar-akhbar mempunyai kebebasan dalam menyiarkan sumber yang diingini Mahathir (1999: 6).

Malaysia berjaya mengamalkan demokrasi permuafakatan secara berkesan sehingga tahun 1969. Nidzam (2006: 69) menyatakan parlimen telah digantung selama lebih setahun selepas peristiwa tersebut tetapi kembali diamalkan pada tahun 1970 hingga kini. Sebelum peristiwa 13 Mei 1969, perkembangan politik di Malaysia berjalan dengan baik. Namun, ini tidak menggambarkan tidak ada konflik dan peristiwa yang melibatkan kekerasan. Dalam sepanjang enam minggu kempen Pilihan raya 1969 telah menimbulkan pelbagai isu perkauman sehingga emosi orang Melayu dan orang bukan Melayu telah hampir meletus. Dalam kempen pilihanraya tersebut, pemimpin-pemimpin kelihatan tiada formula yang baru untuk berjuang serta menerima tentangan yang hebat daripada parti-parti pembangkang seperti PAS, DAP, Gerakan dan PPP (Comber 1983: 63).

Fenomena sebegini telah mendorong sarjana seperti Syed Husin Ali (1996: 95) yang berpendapat bahawa bukan sahaja dalam proses berlangsungnya pilihan raya sahaja memang sudah menjadi kebiasaan bagi golongan raja atau pemerintah tempatan meminta taat setia yang tidak berbelah bagi daripada rakyat. Sebagai contoh, pada zaman pemerintahan tradisional konsep "taat setia" dikaitkan pula dengan "derhaka". Ini bererti raja tidak boleh ditentang atau dilawan kerana perbuatan itu dianggap sebagai perbuatan derhaka. Akibatnya timbul psikologi takut dan terlalu merendah diri di kalangan rakyat sehingga mereka sanggup '*devoted*' dan berjiwa hamba. Masyarakat neofeodal kini mempunyai perasaan yang sangat takut, rendah diri dan jiwa hamba terhadap raja atau pembesar yang telah menjalar di kalangan rakyat terhadap pembesar-pembesar tempatan yang baru. Dengan kuasa ini mereka telah melebarkan sayap di dalam sektor perniagaan, meninggalkan ruang semakin sempit bagi rebutan orang ramai. Ternyata kuasa politik memberi mereka peluang luas untuk melibatkan diri ke dalam sektor ekonomi dan penguasaan dalam sektor ekonomi memperkukuh pula kedudukan politik mereka.

Mengikut Nidzam (2006: 256-257), sikap tunduk dan akur orang ramai terhadap pemimpin, penguasaan dan penglibatan pemerintah di dalam ekonomi serta berbagai-bagai bintang dan gelaran yang menghiasi mereka. Keadaan ini menggambarkan bahawa ciri-ciri feodal yang masih wujud di dalam demokrasi ini. Suara kelas pemerintah ini dipatuhi dan tidak berani diingkari. Mereka turut dilimpahi dengan pelbagai pangkat dan gelaran seperti Tun, Tan Sri, Datuk dan Datuk Seri. Mereka bukan sahaja menuntut diberi penghormatan tetapi mereka telah menggunakan kedudukan mereka untuk mengaut pelbagai peluang kekayaan dalam sektor ekonomi dan sektor-sektor lain. Unsur-unsur tradisional yang cuba diaplikasikan dalam amalan demokrasi kini menjadi pendorong kepada kejayaan amalan demokrasi Malaysia. Namun tidak dinafikan bahawa demokrasi yang diamalkan bercampur gaul dengan latar tradisional masyarakat tersebut seperti adat dan istiadat serta pegangan agama yang menjadi teras utama.

Ternyata, budaya pilihan raya Malaysia berjaya dikonstruksikan bentuk dan amalannya. Tanpa disedari pemerintah telah berupaya mengumpul kuasa dengan sepenuhnya hingga berada dalam zon selesa (*comfort zone*) dan berjaya mengkonstruksi anggota masyarakat supaya menerima kedudukan dominan mereka tanpa soal. Hegemoni politik ketara dalam sistem politik pemerintahan dengan menyaksikan masyarakat menjadi semakin lemah dari sudut politik termasuklah badan-badan NGO, barisan pembangkang, media dan badan kehakiman yang lebih memperjuangkan suara-suara demokrasi moden kurang mendapat perhatian sewaktu pemerintahan BN.

Sehubungan dengan itu, segala jentera kerajaan dan alat pemerintah digunakan sepenuhnya oleh BN dalam pilihan raya sebelum dan selepas termasuklah pengenalan akta-akta, enakmen-

enakmen, polis, tentera dan sebagainya untuk memperkukuh dan memelihara kepentingan kelas atasan ini. Selain itu juga, pengenalan akta-akta seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA), Akta Percetakan dan Penerbitan serta Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) digunakan oleh kerajaan untuk mengawal politik Malaysia dan menghukum penentang-penentang eksekutif (Mauzy 1995: 117).

Ternyata golongan elit BN terutama elit Melayu telah berjaya mendominasi sistem pemerintahan di Malaysia sehinggakan dalam sistem pilihan raya Malaysia, kemenangan mereka dalam pilihan raya sudah dijamin. Sebagai contoh, UMNO merupakan sebuah parti dominan yang diwakili dan disokong oleh elit-elit Melayu yang dilantik untuk mendominasi institusi-institusi penting *state* seperti polis, tentera, mahkamah, badan perundangan dan sebagainya. Dengan dominasi elit-elit Melayu ini, memudahkan mereka mengawal pergerakan sistem pemerintahan yang sedia ada bagi memastikan sistem yang dibentuk adalah mengikut trend budaya politik mereka.

LATAR BELAKANG PILIHAN RAYA DAN DEMOKRASI MALAYSIA

Matlamat rakyat Tanah Melayu untuk mentadbir negara sendiri masih tidak dapat dicapai sekiranya pilihan raya umum tidak diadakan dengan mendapat keizinan pihak British. Pada awalnya, atas desakan rakyat Tanah Melayu, Inggeris terpaksa memenuhi kehendak rakyat untuk mengadakan pilihan raya pada peringkat tempatan sebagai latihan bagi demokrasi berparlimen (Miller 1965: 151). Peringkat awal pilihan raya ini diperkenalkan di peringkat tempatan bagi Majlis Bandaran yang pertama diadakan di Majlis Bandaran Georgetown (Tanjung), Pulau Pinang pada bulan Disember 1951. Seterusnya diperkenalkan di beberapa bandar utama yang lain.

Pilihan raya ini sangat penting kerana pada ketika itu UMNO dan MCA bergabung dalam sebuah parti yang dinamakan Parti Perikatan UMNO-MCA. Pilihan raya yang pertama ini mempertandingkan sembilan buah kerusi dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Parti-parti politik yang bertanding ialah Parti Radikal Pulau Pinang, Parti Buruh Pulau Pinang dan UMNO. Parti Radikal telah memenangi enam daripada sembilan buah kerusi yang dipertandingkan (Means 1976: 132). Manakala pilihan raya Majlis Bandaran yang lain diadakan sepanjang tahun 1952 di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Melaka dan Seremban. Kemenangan demi kemenangan Parti Perikatan dalam pilihanraya Majlis Bandaran telah membuka mata pihak British. Sokongan yang diberikan oleh masyarakat tempatan telah membuktikan bahwa pemimpin tempatan memang layak untuk memerintah Tanah Melayu. Oleh itu, kemerdekaan harus dipercepatkan.

Selepas Perikatan memenangi majoriti undi dalam Pilihan raya Umum 1955, Tunku Abdul Rahman telah dilantik sebagai Ketua Menteri dan membentuk sebuah Jemaah Menteri (Milne & Mauzy 1992: 42). Kemenangan ini amat bermakna kepada Perikatan dan membolehkan mereka memimpin Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. Ini menunjukkan kesediaan penduduk Tanah Melayu terutamanya Tunku Abdul Rahman dan jemaah menterinya untuk membentuk kerajaan campuran yang bakal menghadapi kemerdekaan. Namun, pelbagai bantahan yang diterima daripada keputusan yang diambil oleh kerajaan Perikatan. Hasilnya, ketajaman pihak pembangkang sangat terbatas untuk mempengaruhi politik negara.

Mengikut Nidzam (2006: 55) pilihan raya yang diadakan memperlihatkan persaingan antara parti-parti politik dan pemimpin serta pengundi yang kemudian bertindak mengikut dorongan sentimen perkauman. Perkara yang menyedihkan ialah apabila sesuatu parti perkauman itu berkuasa, maka kerajaan yang melakukan pelbagai langkah menindas pergerakan pembangkang dan kaum lain yang tewas dan selalunya golongan minoriti di negara tersebut. Kerap juga berlaku pindaan undang-undang atau perlembagaan secara meluas oleh parti yang menang yang bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan mereka dengan menekan kelompok lain.

Pada 27 Julai 1955, PTM menjalankan pilihan raya umum yang pertama dalam sejarah selepas berpuluh tahun dijajah. Parti-parti utama yang bertanding ialah Parti Perikatan, Parti Islam Setanah Melayu (PAS), Parti Negara, Parti Buruh dan Parti Progresif Rakyat. Pilihan raya tersebut telah berlangsung dengan kerjasama dari pihak pentadbir penjajah British. Parti Perikatan telah meletakkan calon-calon bagi kesemua 52 buah kerusi. Parti Negara pimpinan Dato' Onn pula mempertandingkan 33 buah kerusi, PAS sebanyak 11 kerusi dan 18 orang calon bebas turut bertanding (Fuziah & Ruslan 2000: 435). Dalam pilihan raya tersebut Parti Perikatan berjaya memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Manakala sebuah kerusi dimenangi oleh PAS di kawasan Kerian, Perak (Means 1976: 166).

Kemenangan Parti Perikatan UMNO-MCA telah membuktikan kepimpinan dan kerjasama antara pelbagai kaum yang turut memperjuangkan manifesto yang menyeluruh kepada penduduk Tanah Melayu mencapai matlamat perjuangannya. Antara lain dasar-dasar yang dilancarkan oleh Perikatan ini merupakan satu langkah bijak di mana hegemoni Barat telah diteruskan oleh Perikatan tanpa disedari oleh masyarakat tempatan. Dasar-dasar yang diperjuangkan Perikatan dianggap sangat 'mudah hati' untuk membantu masyarakat tempatan. Di sebalik sifat 'mudah hati' itu, mereka mengharapkan sokongan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi daripada rakyat bagi menjamin kejayaan dasar-dasar yang dilancarkan.

Perbincangan memperlihatkan konstruksi kedudukan kelas atasan (golongan elit pemerintah) memainkan peranan yang amat penting serta memberi impak yang sangat signifikan dalam membina ruang persaingan terutama dalam pilihan raya yang berlangsung serta membentuk demokrasi Tanah Melayu. Konstruksi itu terhasil daripada konstruksi kolonial yang menjadi asas atau platform kepada bentuk persaingan pada masa depan.

Sepintas lalu, pilihan raya yang dilangsungkan pada tahun 1964, 1974, 1978, 1982, 1986, 1995 dan 2004 merupakan era kegemilangan Barisan Nasional. Pada pilihan raya tahun 1964 (PRU 3) peratusan keluar mengundi tertinggi bagi kerusi Parlimen adalah apabila 78.9 peratus atau 2, 057, 504 mengundi daripada jumlah pengundi berdaftar seramai 2, 720, 100 orang. Barisan Nasional menang 74 daripada 104 kerusi Parlimen atau 85 peratus pada tahun 1964. Pada pilihan raya tahun 1974, BN mendapat 87 peratus kemenangan besar, Diikuti pula, pilihan raya tahun 1978 dengan kemenangan BN sebanyak 130 kerusi daripada 154 kerusi dalam Dewan Rakyat iaitu kurang lima kerusi berbanding pencapaian dalam pilihan raya 1974. Ini mungkin juga berpunca daripada keputusan PAS untuk menarik diri daripada penyertaannya dalam BN. Dalam PRU 6 (1982), BN mendapat kemenangan sebanyak 132 kerusi daripada 154 kerusi dalam Dewan Rakyat dan ini merupakan 85.7 peratus daripada jumlah kerusi dan merupakan pencapaian kedua tertinggi sejak kemerdekaan ketika itu. Sokongan padu rakyat tidak pernah putus untuk memastikan kemenangan berpihak kepada parti yang mereka percayai iaitu BN.

Manakala dalam PRU 7 (1986) pula, dengan kemenangan 148 kerusi daripada 177 kerusi dalam Dewan Rakyat (83.6%) kelihatan terdapat sedikit penurunan sebanyak 2.4 peratus berbanding pilihan raya yang terakhir. Namun parti campuran BN berjaya mengekalkan majoritinya dalam parlimen dan berupaya memelihara genggamannya terhadap jawatan Perdana Menteri serta membentuk kerajaan. Pilihan raya tahun 1995 (PRU 9), parti campuran BN mengekalkan majoritinya dalam parlimen dengan kemenangan 162 kerusi daripada 192 kerusi dalam Dewan Rakyat, ini merupakan 84.4 peratus dan merupakan satu kenaikan sebanyak 19.6 peratus berbanding pilihan raya yang terakhir.

Pilihan raya tahun 2004 (PRU 11) pula, BN mencapai kenaikan undi popular sebanyak 63.9 peratus tetapi sepatutnya mendapat undi yang lebih tinggi sekiranya kesemua kerusi dipertandingkan. Laporan dalam media Malaysia pada 23 Mac menunjukkan BN memenangi 198 kerusi parlimen berbanding 20 kerusi gabungan parti pembangkang, dengan satu calon bebas. Ini merupakan majoriti terbesar sejak pilihan raya 1978. Dalam pilihan raya tersebut dominasi BN yang sangat ketara dengan penguasaan jauh melebihi dua pertiga majoriti. Pada masa ini, sebut sahaja apa pergolakan yang melanda, BN tetap bertakhta di hati rakyat. Walaupun ada pergolakan politik besar seperti perpecahan dalam UMNO dan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri, BN masih menang besar pada tahun 1990-an dengan majoriti dua pertiga. Malah, krisis kemelesetan ekonomi juga tidak dapat menafikan majoriti dua pertiga BN pada PRU 1986 dan 1999.

Jadual 1: Kekuatan kerajaan dan pembangkang dalam Dewan Rakyat

Tahun	Bil. Kerusi	% Kerusi	% Undi	Bil. Kerusi	% Kerusi	% Undi	Jumlah Kerusi
1959**	74	71.15	51.7	30	28.85	48.3	104
1964**	89	85.58	58.5	15	14.42	41.5	104
1969	95	66.00	49.3	49	34.00	50.7	144
1974	135	87.66	60.7	19	12.34	39.3	154
1978	130	84.42	57.2	24	15.58	42.8	154
1982	132	85.71	60.5	22	14.29	39.5	154
1986	148	83.62	55.8	29	16.38	41.5	177
1990	127	70.55	53.4	53	29.45	46.6	180
1995	162	84.38	65.2	30	15.62	34.8	192
1999	148	76.68	56.5	45	23.32	43.5	193
2004	198	90.41	63.9	21	9.59	36.1	219
2008	140	63.1	-	82	36.9	-	222

* "Kerajaan" bermaksud Parti Perikatan pada 1959 dan 1964; Parti Perikatan dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak SUPP pada 1969; dan Barisan Nasional sejak 1974

** Angka adalah untuk 1959 serta 1964 kerana Sabah dan Sarawak tidak menyertai pilihan raya parlimen pada 1964

Sumber: Arah aliran Malaysia : Penilaian Pilihan Raya

HEGEMONI GRAMSCI: PERBINCANGAN KONSEPTUAL

Konsep hegemoni membentuk sebuah bahagian yang penting dalam masalah kewujudan teori sosial terutama sekali pada zaman kontemporari, walaupun konsep ini sudah berakar umbi sejak tahun 1920an dan 1930an. Konsep hegemoni yang dipopularkan oleh Gramsci adalah merupakan hasil daripada konteks yang berbeza pada zaman moden terutamanya di negara Eropah dan Amerika Utara dan pada asasnya hegemoni merupakan satu konsep dalam teori politik. Malah, konsep hegemoni

yang digunakan oleh Antonio Gramsci (1891-1937) berbeza daripada ideologi yang diutarakan oleh teori Marx dan beliau tidak mahu dibayangi oleh Marxisme. Dalam konteks hegemoni Gramsci ini merupakan konsep *par excellence* yang digambarkan sebagai keseimbangan antara kepimpinan atau arahan yang berasaskan *consent* dan dominasi atau kekuasaan kumpulan atau kelas sosial berasaskan kekerasan atau paksaan.

Pandangan hegemoni telah mendorong Gramsci untuk membincangkan tentang peranan state. Sekiranya badan pentadbiran, badan eksekutif dan keganasan atau paksaan dalam kerajaan boleh disekat oleh hegemoni kelas pemerintah itu, kuasa *state* itu sepatutnya dihadkan. Untuk menjadikan ia lebih bermakna, nilai-nilai dalam *state* perlu mempunyai struktur politik yang berkesan di kalangan masyarakat sivil. Pemikiran Gramsci semakin kukuh apabila beliau memberikan beberapa istilah sejarah dengan merujuk kepada pengaruh *the church*, sistem pendidikan, *the press*, serta semua institusi yang membantu dalam membentuk masyarakat yang berperilaku baik seiring dengan peraturan sosial yang hegemonik.

Gramsci telah melihat kekuasaan borjuis berdasarkan kepada dominasi ekonomi dan keintelektualan dan kepimpinan moral. Mengikuti beliau, golongan yang diperintah secara sukarela malah akur untuk dipimpin oleh kumpulan yang lebih dominan. Namun, ia bukanlah semata-mata melihat kepada aspek fizikal sahaja tetapi mempunyai sebab untuk dipimpin kumpulan-kumpulan tertentu. Seperti yang ditakrifkan oleh Gramsci tentang hegemoni: "... *subordinated groups accept the ideas values and leadership of the dominant group not because they are ideologically indoctrinated, but because they have reason of their own* (Strinati 1995: 166)." Ini menjelaskan bahawa nilai-nilai kepimpinan kumpulan yang berkuasa untuk memerintah memperoleh keakuran dan kesetiaan daripada golongan yang diperintah adalah berdasarkan kepada kepentingan-kepentingan yang tertentu. Kepentingan-kepentingan seperti hak asasi, faktor ekonomi, alam persekitaran, antara kepentingan subordinat yang menganggap bahawa perjuangan golongan pemerintah atas sebab-sebab tertentu menarik perhatian golongan yang diperintah.

Sementara itu, Gramsci menitik beratkan tentang masyarakat yang memahami sepenuhnya tentang matlamat dan keizinan yang diperolehi daripada golongan subordinat. Kedua-dua elemen ini diperolehi melalui pelaksanaan dasar-dasar ahli politik itu dan pendekatan ini berbeza dengan mereka yang hanya mementingkan ahlinya dan memberi penekanan terhadap ahlinya untuk mematuhi arahan daripada ahli perdana, utama atau *primer* (Kessler 2000: 187). Dapat digambarkan bahawa terbentuk hubungan *vertical top-down* dalam pendekatan yang dijelaskan oleh Gramsci ini. Ahli biasa harus memberi sokongan dan taat setia kepada ahli yang utama terutama mereka yang memegang jawatan pada peringkat yang lebih tinggi dalam parti tersebut. Arahan datang dari golongan atasan dan pada masa yang sama golongan bawahan memberi ketaatan dan bersifat submisif kepada mereka dan melaksanakan arahan yang diberikan. Secara ironinya, perlulah wujud hubungan saling bekerjasama antara pemimpin dan massa sebelum berlakunya sesebuah revolusi.

Mengikuti Gramsci (Femia 1981: 24) lagi *state* juga melambangkan kekerasan atau keganasan atau *force or coercion* (melalui polis dan tentera) dalam satu wilayah tertentu bersama-sama dengan agen birokrasi *state* seperti perkhidmatan awam, sistem perundangan, badan kebajikan dan institusi pendidikan. Walau bagaimanapun, *state* dan nasional, kumpulan-kumpulan etnik kadangkala berkonflik seperti yang berlaku pada abad ke-20 di Spain, Perancis, Britain, Ireland dan Jerman. Dalam pengkonstruksian identiti nasional masyarakat oleh pihak kerajaan dan identiti etnik

(*identification of ethnic identity*) di kalangan masyarakat, golongan intelektual seperti doktor, guru, paderi, hakim, peguam, penulis, ahli politik, artis, ahli falsafah dan kakitangan kerajaan juga turut memainkan peranan yang sangat penting. Justeru itu, apabila tindakan pendominasian dilakukan oleh jentera penindas pemerintah, justifikasi kepimpinan intelektual dan moral seperti golongan yang dinyatakan sebelum ini akan diserap dan digembar-gemburkan di dalamnya sama ada melalui masyarakat sivil, institusi agama, persatuan-persatuan mahupun perhimpunan tokoh-tokoh pendidikan. Ini menjelaskan bahawa hegemoni dapat diperolehi melalui pelbagai cara untuk menilai permasalahan dalam realiti sosial (Femia 1981: 24).

Hegemoni Gramsci merupakan perjuangan sebuah kelas yang berjaya untuk memujuk kelas masyarakat yang lain untuk menerima nilai-nilai moral, politik dan nilai budaya kumpulan dominan. Konsep ini membuat andaian seolah-olah satu keizinan kosong telah diberikan oleh kumpulan masyarakat majoriti kepada mereka yang berkuasa dalam pemerintahan. Walau bagaimanapun, keizinan atau *consent* ini tidak selalunya bersifat aman dan bermungkinan untuk bergabung dengan unsur-unsur seperti fizikal atau paksaan (*force*) dengan dorongan intelektual, moral dan budaya. Di samping itu, konsep ini juga dapat diterima sebagai *common sense* iaitu satu budaya hegemoni yang dilihat sebagai satu ideologi yang sangat dominan yang sentiasa dipraktik dan disebar meluas. Oleh kerana ia terbentuk daripada pergelutan sosial dan kelas, maka hegemoni berupaya untuk membentuk, mengubah malah mempengaruhi pemikiran masyarakat. Yang lebih signifikan, hegemoni juga merupakan satu set idea golongan dominan yang berjuang bagi menjamin kepimpinan mereka yang diperolehi daripada keizinan yang diberikan oleh golongan subordinat.

PENGUKUHAN BUDAYA POLITIK HEGEMONI KEPIMPINAN BARISAN NASIONAL

Senario amalan budaya politik neofeudal Melayu dalam sistem demokrasi Malaysia mundur ke belakang menghakis demokrasi dan bukan sahaja melalui pilihan raya yang dijalankan tidak adil, berlaku penipuan dan pencabulan yang sangat ketara malah turut dicengkam oleh undang-undang yang nyata telah mencabuli kebebasan rakyat. Selain itu juga, dasar-dasar kerajaan memperkenalkan akta-akta dan undang-undang seperti *Internal Security Act* (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Polis, Akta Percetakan dan Penerbitan, Akta Universiti Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) berjaya mengawal tingkah laku dan tindakan rakyat. Akta-akta itu juga mencengkam peranan media hingga menimbulkan rasa 'takut' di kalangan semua lapisan rakyat. Dasar-dasar kerajaan yang merupakan agen utama kelas pemerintah ini juga memberi impak yang mendalam terhadap psikologi serta epistemologi masyarakat. Malah akta-akta ini bersifat kontrol, menindas dan *arbitrary* yang diwarisi oleh Tun Abdul Razak hingga ke pemerintahan Dr. Mahathir.

Di bawah pemerintahan Dr. Mahathir, persoalan masih timbul sama ada UMNO masih lagi boleh dianggap sebagai orang politik yang mempertahankan hak majoriti Melayu dalam melunaskan agenda Melayu. Tidak dinafikan bahawa UMNO telah berjaya menerajui pembentukan kerajaan semenjak memenangi pilihan raya pertama pada tahun 1955. Dengan pendekatan yang pragmatik, konsep perkongsian kuasa dengan parti-parti komponen bermula dengan Perikatan dan kemudian BN berjaya. Rakyat beranggapan bahawa mereka berjaya membawa negara ke tahap pembangunan yang boleh dibanggakan dan harus disokong.

Sepanjang enam tahun usia UMNO, parti itu telah menempuh pelbagai krisis yang turut mengakibatkan perpecahan di kalangan ahli-ahlinya. Ironinya setiap kali krisis dan perpecahan berlaku, UMNO telah berjaya memulihkan dan 'reconstruct' atau mengkonstruksi semula perpaduan di dalam parti itu. Walaupun ahli-ahlinya menubuhkan parti-parti baru akibat perpecahan itu, UMNO tetap kekal dan masih dominan sebagai tonggak BN dan kerajaan. Betapa kuatnya hegemoni politik dalam UMNO hingga berjaya mempengaruhi dasar-dasar kerajaan. Keadaan ini jelas sewaktu Dr. Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri yang keempat di mana parti UMNO merupakan parti yang paling dominan dalam kerajaan Malaysia dan tidak mampu dicabar oleh mana-mana parti lain. Walaupun mengalami pelbagai krisis dalam UMNO tahun 1987-1988 antara Tun Mahathir dengan Tengku Razaleigh Hamzah (atau dikenali sebagai Ku Li) yang menubuhkan Parti Semangat 46 dan pada tahun 1998 antara Tun Mahathir dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang melahirkan Parti Keadilan, UMNO masih berada di paksinya (Milne & Mauzy 1999: 41-44).

Dr. Mahathir berjaya menguatkan cengkaman pengaruhnya ke tahap tertinggi dalam parti tersebut dengan menggunakan pelbagai cara termasuklah pengharaman dan pendaftaran semula UMNO dan sebagainya. Kaedah-kaedah yang beliau tetapkan telah menjadikan Presiden UMNO menjadi sangat berpengaruh dan berkuasa dalam UMNO sehingga berjaya mengekalkan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri. Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri mempunyai kuasa dalam badan eksekutif, perundangan dan kehakiman dan parti UMNO membuktikan ketinggian dan dominasi kuasa beliau dalam pemerintahan. Pemusatan kuasa dalam ketiga-tiga badan kerajaan ini sinonim dengan sistem pemerintahan feodal Melayu tradisional yang telah dimodifikasi mengikut arus perubahan politik zaman moden.

Secara relatif, tidak wujud dominasi 'raja' dalam pemerintahan demokrasi yang dipraktikkan kini tetapi Dr. Mahathir bertindak sebagai 'raja' dalam era pasca merdeka ini. Justeru itu, hubungan penaung-dinaung yang diamalkan sejak zaman pemerintahan Melayu tradisional kelihatan masih diteruskan, diadaptasikan dan mendapat tempat dalam sistem pemerintahan moden Malaysia. Hubungan dua hala ini meletakkan UMNO sebagai pelindung rakyat sepertimana pada zaman pemerintahan Melayu tradisional raja bertindak sebagai pelindung. Sebagai balasan, golongan rakyat mencurahkan taat setia dan sentiasa menyokong penaung mereka dengan menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat yang setia (seperti membayar cukai, berkhidmat secara sukarela, memberi bantuan apabila diperlukan dan lain-lain) (Chandra 1979: 78).

UMNO dilihat oleh orang Melayu sebagai wahana dan wadah perjuangan nasib orang Melayu. Selain itu, UMNO sebagai tonggak BN dan kerajaan memiliki kuasa politik dalam mentadbir negara. Orang Melayu terlalu bergantung harap kepada UMNO untuk membela nasib mereka. Sekiranya parti-parti politik Melayu yang tidak terlibat dalam kerajaan tidak mempunyai dominasi kuasa politik. Kuasa politik inilah yang merupakan faktor asas kepada kekuatan UMNO. Ramai orang Melayu enggan meninggalkan UMNO bukan disebabkan parti itu benar-benar memperjuangkan nasib orang Melayu, tetapi mereka melihat orang itu seperti 'lombong emas' yang menjanjikan kemewahan dan kuasa kepada mereka dan berjuang melalui parti BN tanpa mengenal erti kekalahan.

Lihat sahaja dalam konteks politik Malaysia hari ini, hak asasi manusia dan kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan (1993) diketepikan. Pelbagai undang-undang *draconian* diwujudkan bagi memenuhi keperluan penguasa politik mengesahkan tindakan mereka serta bagi menyekat rakyat dari bersuara. Jelas betapa adab dan kesusilaan demokrasi dirobek

dengan rakusnya (Mustaffa Kamil 2001: 11). Mengikuti P. Ramasamy (2001: 5) pula, pengawalan melalui hegemoni politik oleh rejim merupakan halangan yang terbesar terhadap perkembangan komuniti akademik Malaysia. Melalui pengawalan hegemoni politik rejim telah menentukan bahawa komuniti akademik akan patuh kepada keperluan sistem politik dan ekonomi. Ini jelas mengekang komuniti akademik daripada menyentuh perkara-perkara sensitif kepentingan penguasa tertentu akan dilabel sebagai pengkhianat, anti kerajaan, militan dan sebagainya. Inilah yang membuktikan peranan ahli-ahli akademik telah disekat melalui pengenalan Akta Hasutan dan Akta Rahsi Rasmi (OSA).

Ini turut diperkukuh oleh undang-undang yang diperkenalkan bagi mengawal nama kestabilan negara, keamanan negara serta bertindak sebagai agen hegemoni pemerintah. Dengan itu pelbagai akta dibentuk seperti ISA (1960), Akta Hasutan (1948), Akta Polis (1967), Akta Pertubuhan (1972), Akta Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) (1970) dan Akta Rahsia Rasmi OSA (1972). Ini disokong oleh Mauzy dan Milne (1999) yang mengatakan ciri-ciri demokrasi di Malaysia adalah negatif dan dinamakan sebagai *hegemonic consociationalism* terutama sewaktu pemerintahan Dr. Mahathir kerana dasar-dasar yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pelaksanaan kuasa pilihan raya banyak bersifat hegemonik.

Namun setelah Dr. Mahathir menerajui kepimpinan negara, ternyata jelas hegemoni politik berlaku apabila ISA digunakan di samping sokongan media bagi melegitimasi tindakan yang diambil di mata rakyat. Dalam tempoh tiga tahun akhir ini sahaja empat siri tangkapan ISA telah dilakukan dan tahanan ISA bertambah kepada 50 orang. Sudah tentu ia memberikan gambaran bahawa penguasa politik semasa kini dalam kedudukan yang amat terdesak sehingga memaksanya menggunakan ISA berkali-kali dalam tempoh yang singkat. Ini jelas berupa suatu ugutan terhadap pemimpin dan parti Barisan Alternatif (BA) yang dilihat oleh kerajaan kini terus mendapat sokongan walaupun ditekan dengan pelbagai bentuk (Mustaffa Kamil 2004: 90-91). Beliau menjelaskan penggunaan media semata-mata sebagai propaganda politik nampaknya jauh dari mencukupi sehingga memaksa penggunaan ISA. Malahan dalam banyak keadaan mereka yang ditahan terus dilabelkan secara langsung atau tidak langsung sebagai militan, pro komunis dan pro-Karl Marx. Keadaan ini tentunya boleh mewujudkan hegemoni dengan mengubah fakta sebenar penentangan kerajaan, agen asing dan pengkhianat. Ini juga merupakan percubaan membina kesedaran palsu agar rakyat membenci golongan ini (2004: 91; Cheah Boon Kheng 2001: 80).

Bermula awal tahun 1970-an, ISA mula digunakan dalam menangani bantahan pelajar-belia dalam Kes Baling 1974, pimpinan politik seperti Syed Husin Ali dan ramai lagi, Operasi Lalang, Operasi Al-Arqam pada tahun 1990an dan kemudiannya puluhan rakyat yang dianggap rapat dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998 setelah beliau dipecat dari kerajaan dan parti UMNO. Mengikuti Syed Husin Ali (2001: 3), selepas penahanan kebiasaannya tidak banyak yang dapat dilakukan di kalangan yang bersimpati namun betapa penyeksaan mental dan fizikal dialami serta menggambarkan hak asasi manusia di pandang sebelah mata sahaja. BN masih mendapat tempat di hati rakyat. Walau bagaimanapun, isu ISA ini mendapat pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Akta-akta itu bukan sahaja bertujuan untuk mengawal keselamatan negara tetapi mencakupi ancaman kepada keselamatan *status quo* pemerintah. Penggubalan dan penguatkuasaan akta-akta autokratik ini bukan sahaja secara relatifnya berjaya mengawal tingkah laku politik rakyat secara umum tetapi juga memberikan rasa takut dan gerun kepada mereka untuk bersifat kritikal kepada pemerintah. Maka, rakyat akan bersikap lebih pasif sehingga mereka merasakan submisif kepada pemerintah, akur menurut perintah serta taat dan setia kepada pemerintah-pemerintah negara.

Di samping itu, pemerintahan Dr. Mahathir ini menjelaskan betapa dominan kuasa beliau dan BN kerana beliau berkuasa untuk mengambil tindakan di luar Parlimen dan bukan untuk dibahaskan secara konstruktif bagi memperoleh pandangan dan persetujuan ahli-ahli Parlimen. Senario yang berlaku ini mengingatkan semula kepada sifat submisif, akur, patuh, taat, setia dan pantang menderhaka yang sudah sebatu dalam jiwa pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli sama ada dalam Barisan Nasional dan UMNO. Sudah menjadi tradisi bagi mereka untuk menurut dan menyetujui segala hal yang telah diputuskan oleh pucuk pimpinan tertinggi parti. Amalan 'Pantang Menderhaka' di kalangan pengikut parti ini adalah semacam *taboo* yang sepatutnya dielakkan dan tidak dilakukan kerana terdapat beberapa kejadian yang meninggalkan kesan yang negatif di kalangan mereka yang 'menderhaka' ini.

Dalam konteks moden ini, kelihatan hubungan penaung-dinaung ini masih berterusan diamalkan sehingga pemerintahan Dr. Mahathir dan mendapat tempat dalam sistem pemerintahan demokrasi Malaysia selagi BN bertapak di hati masyarakat Malaysia. Secara umumnya, hubungan yang terbina ini adalah bertimbang balas di antara golongan pemerintah dan yang diperintah (Chandra 1979: 78). Peluang yang sedia ada ini telah digunakan sebaiknya oleh BN untuk mengekalkan dan mengukuhkan kedudukan parti pada waktu itu.

Kedudukan hegemonik BN apabila menang besar dalam pilihanraya (tahun 1964, 1974, 1978, 1982, 1986, 1995 dan 2004) telah memastikan BN memperoleh kesetiaan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada masyarakat yang berada di bawah pemerintahan mereka. Pemerintah tidak lupa menganugerahi pengikut dan penyokong setia dengan pelbagai bentuk faedah seperti jawatan dalam kerajaan, nama, pangkat, kedudukan seperti yang diperolehi Tun Ghafar Baba, Datuk Seri Najib Razak dan Datuk Seri Abdullah Badawi. Sebaliknya pula sesiapa yang menentang Perdana Menteri atau pemimpin-pemimpin kerajaan akan dilabel sebagai penderhaka, pembelot, pembangkang, anti-kerajaan, pengkhianat dan pelbagai gelaran negatif lagi. Mereka dianggap tidak setia kepada kepimpinan seseorang pemerintah itu seperti yang berlaku kepada Sang Rajuna Tapa, Hang Jebat dan ramai lagi pada suatu ketika dahulu. Lihatlah apa yang telah berlaku kepada mereka atau individu-individu yang lantang bersuara dalam mengkritik dan mengeluarkan pandangan mereka terhadap ketidakadilan kerajaan Dr. Mahathir telah menerima nasib yang buruk setelah ditahan di bawah ISA. Namun, golongan sebeginilah yang akan menegakkan keadilan dalam sistem pemerintahan negara tetapi mereka dikecam dengan hebat kerana kelantangan mempertikaikan kredibiliti Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan media memainkan peranan yang sangat penting untuk memaparkan isu-isu hangat pada waktu itu. Walaupun terdapat pelbagai kawalan yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir yang bersifat kontrol, menindas dan *arbitrary* ini tidak menyekat daripada masyarakat Melayu dan juga bukan Melayu untuk menyokong kepimpinan beliau. Ini kerana sedar atau tidak mereka membenarkan diri mereka dihegemonikan oleh beliau.

Oleh itu, ketundukan badan-badan kerajaan, organisasi pemerintah dan rakyat kepada Perdana Menteri terutamanya zaman Dr. Mahathir dan pewarisnya bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana kedudukan hegemonik beliau dalam segenap ruang pemerintahan negara. Parti UMNO dan ahli parlimen Barisan Nasional perlu sentiasa bersetuju dan akur dengan keputusan pemimpin utama parti dalam kesemua aspek. Sifat yang sentiasa akur dan bersetuju ini sudah menjadi tradisi dalam parti itu dan menunjukkan hubungan dua hala atau kuasa vertikal *top down* dari pemerintah kepada rakyat. Hubungan yang terbentuk dalam sistem pemerintahan demokratik Malaysia ini sentiasa akan menekan golongan rakyat melalui agen-agen hegemoni pemerintah sehingga perasaan akur dan

submisif terbentuk dalam jiwa rakyat. Walau bagaimanapun, hubungan antara pemerintah dan rakyat ini mempunyai ruang yang terbuka yang terhad dan terkawal atau *'limited cube'* di antara mereka di mana rakyat boleh mempertahankan hak mereka dalam pemerintahan mereka tetapi kuasa yang mereka ada adalah terkawal dan di perhatikan oleh pemerintah.

KESIMPULAN

Usaha pemerintah tempatan untuk memelihara di samping mengawal ketat kestabilan negara tidak terhenti setakat itu sahaja. Mereka terus memperkenalkan pelbagai kawalan politik termasuklah beberapa akta kerajaan. Akta-akta ini pada awalnya berfungsi untuk memastikan Peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang. Namun, akta-akta itu semakin berleluasa hingga kini sesetengah masyarakat Melayu menganggap akta-akta ini tidak perlu atau tidak relevan digunakan. Sebagai contoh senario peristiwa yang berlaku terhadap bekas Perdana Menteri Tun Mahathir itu ada persamaan dengan peristiwa selepas Operasi Lalang 1987. Kepimpinan Tun Mahathir menuduh Tunku Abdul Rahman sebagai pihak yang bertanggungjawab menjadikan Malaysia sebagai sebuah "negara polis". Hegemoni dalam politik Melayu dapat dilihat apabila polis diraja Malaysia semakin berleluasa menyalahgunakan kuasa dan melakukan keganasan di samping membuat tangkapan sewenang-wenangnya ke atas masyarakat tempatan terutama sewaktu berlangsungnya kempen dan pilihan raya di sesebuah kawasan yang melibatkan ramai penyokong parti pembangkang ditangkap, dibelasah malah dikenakan tahanan ISA kerana dituduh mengancam keselamatan negara. Ternyata, pemerintah dilihat sebagai takut pada bayang-bayang sendiri apabila terdapat petualang-petualang yang cuba memburuk-burukkan kerajaan. Sifat keterbukaan dalam kerajaan masih belum dapat diterima sehingga menyebabkan kerajaan menggunakan anggota polis untuk mengukuhkan *status quo* mereka.

Terdapat banyak insiden yang berlaku pada sebelum ini yang membuktikan agenda yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk mengawal ketat aktiviti-aktiviti pihak pembangkang. Sebagai kesimpulan, peranan agensi-agensi *state* seperti polis, tentera dan sebagainya sangat penting bagi memastikan pengukuhan *status quo* badan pemerintah. Pelaksanaan akta-akta seperti ISA, AUKU, OSA dan lain-lain merupakan sebahagian daripada agenda 'terkawal' badan pemerintah dalam mengawal pergerakan masyarakat tempatan, parti-parti pembangkang, badan-badan NGO dan sebagainya. Namun begitu, perbincangan hegemoni badan pemerintah tidak terbatas kepada peranan *state* sahaja tetapi unsur-unsur tradisi seperti peranan raja, agama Islam dan adat dan istiadat Melayu juga penting. *State* menggunakan agen-agensinya dalam memantapkan dan mengukuhkan kedudukan seseorang pemimpin itu. Tidak kira sama ada melalui Residen British, pemungut cukai, pegawai daerah mahupun polis tanggungjawab mereka amat signifikan dalam memastikan masyarakat Melayu atau tempatan mengikut dan menurut segala dasar-dasar, arahan-arahan, enakmen-enakmen, akta-akta dan sebagainya yang telah diperkenalkan oleh pemerintah.

Selain itu, pengenalan beberapa akta yang menghalang kebebasan mutlak media massa dari aspek pemerintah bertujuan untuk menjaga kestabilan dan keamanan negara. Mengikut Akta Percetakan dan Penerbitan 1984, Seksyen 7 (1) mengatakan bahawa Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan, membatalkan dan menarik balik permit sesuatu penerbitan mengikut budi bicaranya (Rosidah 1997: 99). Namun begitu, kerajaan BN telah mengawal ketat aktiviti-aktiviti media dan sangat efektif dalam meluluskan lesen media. Tujuan sekatan-sekatan ini untuk mengelakkan kumpulan dan organisasi bebas daripada menerbitkan penerbitan dan stesyen

penyiaran mereka yang membawa isu-isu yang memberikan imej buruk kepada kerajaan. Secara langsung atau tidak langsung terdapat segelintir individu yang berkepentingan untuk mengekalkan kedudukan *status quo* mereka dengan menjadikan media sebagai agen hegemoni. Malah, perjuangan pembangkang hanya berorientasikan isu dan dan sentimen sahaja pembangkang lebih monoton dan senada sahaja. Dalam keadaan pengundi yang semakin matang, BN melihat pembangkang Malaysia masih belum matang dan masih mengharapkan sesuatu berlaku untuk mengeksploitasinya. Kerajaan memanipulasi pembangkang apabila mereka asyik melaungkan demonstrasi yang tidak memerlukan daya fikir yang tinggi. Kekuatan hegemoni BN menyumbang kepada sistem demokrasi yang tersekat. Sebagai contoh, mana-mana parti yang berdaftar boleh bertanding tetapi mereka sukar untuk mengadakan ceramah atau manifesto kerana terpaksa mendapatkan permit, tidak boleh menggunakan dewan besar, tidak boleh mengadakan ceramah di kawasan-kawasan tertentu serta terpaksa memberi wang taruhan yang tinggi bagi setiap calon yang bertanding. Selain itu, amalan seperti *gerrymandering*, di mana kawasan pilihan raya diubah mengikut bilangan pengundi. Ini bagi memastikan penguasaan BN di kawasan tersebut akan lebih mantap. Selain itu, kehadiran “pengundi-pengundi hantu” menyebabkan ketepatan keputusan pilihan raya tidak dapat dipastikan. Bagaimana utuh sekalipun BN ke atas rakyat Malaysia, hegemoni ini pernah terjejas tetapi berjaya dipulihkan.


Justeru itu, kerajaan BN menggunakan media aliran perdana untuk mengawal pemikiran masyarakat dan laporan-laporan daripada pihak beraliran kiri tidak disokong dan seringkali dikelaskan sebagai pengkhianat, pemusnah masa depan negara, pembelot, kaki putar belit dan sebagainya. Sentimen sebegini mengukuhkan *status quo* pemerintah apabila berjaya mendapat sokongan dan kepercayaan daripada masyarakat. Mereka akan dilabel sebagai penderhaka, tidak berfikiran rasional, komunis dan pemberontak sekalipun. Dengan itu, tiada siapa yang dapat melemahkan pemerintahan mereka.

Sehubungan itu kajian Syed Arabi (1994), menyatakan media massa dapat memberikan pengaruh yang kuat kepada perubahan sikap seseorang khususnya mengubah pendirian pengundi semasa pilihan raya umum. Misalnya, pada pilihan raya umum 1999 yang lalu, media massa aliran perdana (*mainstream media*) telah dikuasai oleh Barisan Nasional untuk menyiarkan ideologi mereka, manakala Barisan Alternatif (BA) pula bergantung kepada internet dan juga tabloid seperti parti komponen Barisan Alternatif seperti “*Harakah*” (PAS), “*The Rocket*” (DAP), “*Suara PRM*” (PRM) dan “*Keadilan*” (Parti Keadilan Nasional atau KeADILan).

Sejarah pilihan raya telah memperlihatkan betapa sistem pemerintahan demokrasi Malaysia ‘sesak’ dengan hegemoni. Walau bagaimanapun dalam pilihan raya 2008 keadaan sudah berubah dan terdapat kelonggaran dan kebebasan yang diberikan kepada pihak-pihak tertentu. Kenapakah perubahan ini boleh berlaku? Persoalan ini banyak dibincangkan oleh sarjana-sarjana tempatan mahupun antarabangsa. Dengan itu, PRU 12 merupakan garis putus kepada sejarah hegemoni pilihan raya yang panjang. Antara sedar dan tidak, Malaysia sebenarnya sedang menyaksikan pertembungan antara yang mahu pengekalan *status quo* dengan yang mahu perubahan atau reformasi dalam pemerintahan. Pertembungan ini telah mewarnai persaingan, isu-isu dalam kempen dan gerakan-gerakan sosial serta politik yang telah berlaku. Kalau dahulu pertembungan ini selalu menyaksikan bahawa yang berada dalam *status quo* akan mengatasi, tetapi kedudukannya sudah tidak banyak kelebihan lagi. Keadaan ini masih dominan tetapi tidak sekukuh dulu (Nidzam 2008: 31). Namun begitu, segala sekatan dan halangan yang dilaksanakan oleh badan pemerintah sedikitpun tidak menghalang atau menghentikan masyarakat daripada memberikan *consent* mereka kepada pemerintah

untuk memimpin mereka sehinggalah PRU 12. Dalam perbincangan di atas, penekanan diberikan kepada konsep *force* atau paksaan dan kekerasan yang digunakan oleh agen *state* itu untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Di samping itu juga, *state* berupaya mendapatkan keizinan daripada massa dan sokongan yang diberikan ini menunjukkan bahawa massa secara sedar atau tidak mereka telah dihegemonikan.

Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa kedudukan Barisan Nasional diperkukuhkan oleh agen-agen hegemoni seperti rajah berikut:



Rajah 5.2. Sifat Hegemoni Pemerintahan Demokrasi Malaysia

Dapat dirumuskan juga jentera kerajaan dan media perdana yang digunakan oleh parti pemerintah sebagai alat untuk menghegemonikan pemikiran massa sepatutnya dimanfaatkan dengan baik dan tidak disalah gunakan. Bukan sahaja parti yang bertentangan atau pembangkang tidak mendapat ruang dan peluang dalam media perdana, malah peluang mereka untuk bersuara dengan lebih lantang dalam media dan saluran lain juga dihadkan oleh kerajaan. Dengan kata lain, pihak kerajaan telah melaksanakan atau menggunakan undang-undang untuk 'menakut-nakutkan' pihak yang tidak menyokong kerajaan bagi memastikan parti yang beraliran kanan sahaja akan terus menang dalam setiap pilihanraya mahupun untuk meraih sokongan dan simpati dari massa dari masa ke masa. Ini menunjukkan bahawa amalan ini tidak demokratik sedangkan negara Malaysia adalah sebuah negara yang demokrasi. Inilah yang dinamakan kuasa hegemoni kerajaan yang digunakan oleh pihak pemerintah untuk mendapatkan sokongan daripada massa di samping mengukuhkan *status quo* mereka dalam kedudukan politik dan kepentingan-kepentingan yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Samad Ahmad, (pnyl). (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nidzam Sulaiman, (2005). *Pemerintah dan hegemoni dalam budaya politik Melayu ke arah masyarakat yang lebih sivil*. Kertas kerja seminar on Government and Civilization Towards a Comprehensive Understanding of Civil Society (Masyarakat Hadari in Malaysia (SOGOC). Universiti Putra Malaysia, Serdang. 18-19 Mei 2005
- (2006). *Idea tentang hak, kebebasan dan keadilan dalam budaya politik Melayu*. Kertas kerja Persidangan Kajian Malaysia Kelima (MSC5). Universiti Putra Malaysia, Serdang, 8 Ogos 2006
- Bocock, R. (1986). *Hegemony*. London: Tavistock Publications Limited
- Burr, V. (1995). *An introduction to social constructionism*. London: Routledge
- Chandra Muzaffar, (1979). *Protector?*. Pulau Pinang: Aliran
- Crouch, H. (1992). Authoritarian trends, the UMNO split and the limits to state power.dlm. *Fragmented Vision: culture and politics in contemporary Malaysia*, (pnyt.). Kahn, J.S & Loh Kok Wah, F. Sydney: Allen & Unwin
- Hilley, J. (2001). *Malaysia: Mahathirism, hegemony and the new opposition*. London: Zed Books
- Hoare, Q & Smith, G.N. (1971). *Selections from the Prison Notebooks*. London: Unwin Brothers Limited
- Kamarudin Jaffar. (2000). *Pilihanraya 1999 dan masa depan politik Malaysia*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd
- Kua Kia Soong. (2007). *May 13: declassified documents on the Malaysian riots of 1969*. Selangor: Suaram Komunikasi
- Mauzy, D.K. (1993). Malay political hegemony and 'coercive consociationalism'.dlm. McGarry, J & O'Leary, B. (pnyt.). *The politic of ethnic conflict regulation: case studies of protracted ethnic conflict*, hlm. 106-127. London: Routledge
- (1999). *Malaysian politics under Mahathir*. London: Routledge
- Noor Sulastry Yurni Ahmad, (2002). *Konstruksi kolonial dan demokrasi di Malaysia*. Tesis sarjana sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rais Yatim. (1999). Politik dan agenda Melayu. *Pemikir*. Januari-Mac 15: 59-78
- Syed Husin Ali. (1996). Apa itu neo-feudal? *Utusan Malaysia*, 18 Mei 1996